

Dasar-dasar

Adat Perpatih

OLEH . ABDUL RAHMAN BIN HJ. MOHAMMAD

# dasar-dasar adat perpatih

untuk anak2-ku :

— *zarina*

— *zarida*

— *zariati*

— *zaziani*

# DASAR-DASAR ADAT PERPATEH

oleh

Abdul Rahman bin Hj. Mohammad



1964

PENERBITAN PUSTAKA ANTARA  
KUALA LUMPUR.

## BAB XIII

### CHARA2 MEMBAHAGI HARTA

Menurut Adat Perpatih, harta itu ada dua jenis, ia-itu (1) Harta Pesaka, dan (2) Harta Charian.

Harta Pesaka itu ada dua jenis:—

- (1) Pesaka Benar, dan
- (2) Pesaka Sendiri.

Yang di-maksudkan Pesaka Benar termasuk-lah tanah2 sawah, dusun dan ladang, serta rumah yang di-warisi turun temurun.

Pesaka Sendiri (atau Pesaka Pakaian Diri Sendiri) ia-lah segala jenis harta benda yang di-warisi oleh anak daripada orang2 tua-nya.

Semua Pesaka Benar, seperti sawah dan ladang, rumah dan kampung, di-turunkan kepada anak2 perempuan sahaja.

Menurut Adat, apabila sa-sorang perempuan itu meninggal dunia maka segala Pesaka Benar milik-nya itu mesti-lah di-turunkan dengan di-bahagi-bahagikan sa-chara adil dan seksama kepada anak2 perempuan-nya sahaja.

Sa-kira-nya perempuan yang meninggal dunia itu tiada meninggalkan sa-orang pun anak perempuan, maka segala harta pesaka-nya itu akan terserah-lah kepada Perut dan Suku-nya.

Biasa-nya harta tersebut di-turunkan (atau di-serahkan) kepada saudara atau saudara2 perempuan yang terdekat kepada si-mati itu.

Akan tetapi tiada demikian di-perbuat dengan Harta Sendiri, seperti barang2 kemas dan lain2 sa-umpama-nya.

Sudah sa-mesti-nya barang2 kemas yang memang merupakan pakaian lelaki—seperti keris, tombak, lembing dan lain2 lagi sa-umpama-nya—akan di-berikan kepada anak lelaki.

Akan tetapi semua-nya itu tiada di-anggap sa-bagai harta psaka ada-nya. Ia hanya di-katakan “Chendorong Mata” sahaja.

(Chendorong Mata termasuk jua segala hasil padi, buah-buahan dan lain2 lagi, yang mengikut adat ada-lah menjadi milek perempuan, yang boleh sama di-makan oleh anak lelaki sa-waktu ia hidup dengan kaum-nya.)

Berhubung dengan Harta Charian, Adat Perpatih juga membahagikan-nya ka-dalam dua jenis:—

(1) Harta charian suami isteri dalam masa sudah berkahwin, dan

(2) Harta charian bujang.

Terhadap kedua jenis Harta Charian ini, Adat Perpatih mengadakan supaya:—

“Suarang di-ageh,  
sa-kutu di-belah”.

atau

“Charian di-bahagi,  
dapatan tinggal,  
pembawaan kembali”.

Peratoran ini di-kuat-kuasakan apabila pasangan suami isteri itu bercherai atau salah sa-orang daripada mereka meninggal dunia.

Suarang dalam perbilangan pertama di-atas tadi erti-

nya "harta yang di-miliki bersama" atau Charian Bersama, sementara **sa-kutu** itu ia-lah harta pembawaan.

Dalam perbilangan yang kedua itu, **charian** ia-lah harta charian bersama, **dapatan** ia-lah harta pesaka yang di-warisi oleh si-isteri dari orang2 tua-nya, dan **pembawaan** ia-lah harta pembawaan.

Apabila sa-orang isteri meninggal dunia maka Harta Charian itu akan berpindah kepada anak2 perempuan.

Akan tetapi apabila si-suami yang meninggal maka tertinggal-lah Harta Charian itu kepada si-isteri untuk bakal di-bahagi-bahagikan kepada anak2 perempuan-nya kelak.

Jika dalam pergaulan hidup-nya pasangan suami isteri itu tiada meninggalkan anak, maka Harta Charian itu akan di-bahagi-bahagikan antara balu (si-isteri atau si-suami yang tinggal) dengan keluarga (kaum) si-mati.

Sa-kira-nya pasangan suami isteri itu bercherai hidup, maka Harta Charian atau Suarang itu di-bahagi-bahagikan antara kedua-dua belah pihak.

Mengenai harta charian bujang si-suami pula, atau harta yang di-bawa-nya dari isteri-nya yang terdahulu, yang di-sebut juga sa-bagai "Harta Pembawaan" atau "Pembawaan" dan "Sa-kutu", maka apabila si-suami itu meninggal dunia, terpaksa-lah harta tersebut di-kembalikan kepada ibu atau Suku-nya.

Dalam masyarakat Adat Perpatih di-bolehkan juga sa-saorang itu menjual dan menggadaikan harta pesaka-nya, ia-itu dengan memberikan sebab2 dan alasan2 yang memuaskan.

Akan tetapi perbuatan2 itu hendak-lah di-lakukan hanya di-kalangan Perut dan Suku sahaja, ia-itu sa-saorang itu hanya di-bolehkan menjual atau menggadaikan harta pesaka-nya kepada orang2 di-dalam Perut dan Suku-nya sahaja.

Semua-nya ini ada-lah di-sebabkan oleh kerana Adat Perpatih, pada dasar-nya dahulu, memandang dan menganggap segala harta pesaka itu sa-bagai milek bersama jua ada-nya.

Malah sampai sekarang sa-tiap Perut dan Suku dalam sa-tiap Luak para penganut Adat Perpatih itu masih memiliki sawah dan kampung yang khas bagi-nya sahaja.

Demikian juga dengan jawatan2 "Buapak", "Lembaga" dan "Penghulu" atau "Undang"—yang kesemua-nya itu di-anggap sa-bagai Pesaka Gedang (Pesaka Besar)—ada-lah menjadi milek bersama dalam masing2 Perut dan Suku.

### **Beberapa Soalan:**

- (1) Apa-kah yang di-maksudkan dengan "Suarang"?
- (2) Apa-kah "Chendorong Mata"?
- (3) Apa dia "Pesaka Gedang"?
- (4) Boleh-kah sa-saorang itu menggadai atau menjual pesaka?
- (5) Pesaka itu turun kepada anak perempuan atau anak lelaki?

## PENUTUP

Penyusun ingin mengingatkan bahawa buku ini hanya mencheritakan "Adat Perpatih" itu pada dasar-nya sahaja, kerana perbedzaan2 kechil-kechilan di-sana sini tetap di-dapati dari "Adat Perpatih" yang di-pakai di-Naning dengan yang di-pakai dalam Luak2 Negeri Sembilan dan juga di-Minangkabau; seperti di-katakan oleh pepatah: "Lain padang lain belalang, lain lubok lain ikan". Akan tetapi pada dasar-nya belalang itu belalang juga dan ikan itu ikan juga; dan demikian juga pada dasar-nya "Adat Perpatih" itu ada-lah sama belaka keadaan-nya di-tiap-tiap Luak dan Negeri tersebut.

Berhubung dengan Bab Kesabelas, penyusun meminta ma'af kerana tiada dapat menghurai, membinchang dan mencheritakan kesah "Raja Tiada Bernegeri" itu dengan sa-penoh-nya, kerana ia-nya sa-benar-nya merupakar sejarah Negeri Sembilan, yang sudah tentu akan lebeh sesuai di-binchang dan di-huraikan dalam sa-buah buku sejarah pula.

Di-sini juga penyusun ingin menyatakan bahawa susunan dan kekuasaan pemerentahan seperti telah di-cheritakan itu ada-lah yang telah betul2 di-jalankan di-waktu para penganut "Adat Perpatih" itu telah memerintah negeri2 mereka sendiri.



Kita semua tentu ma'alum bahawa sejak orang2 Minangkabau, Naning dan Negeri Sembilan di-perintah oleh Kuasa2 Penjajah (Belanda dan Inggeris), kuasa2 "Undang", "Lembaga" dan "Buapak" itu sudah banyak di-rampas dan di-perkechilkan.

Hari ini mereka itu hanya mempunyai kuasa menguruskan perkara2 kecil sahaja.

Kita juga terlebih ma'alum bahawa "Adat Perpatih" itu merupakan Falsafah Hidup satu bangsa "Petani".

Maka sama ada Falsafah Hidup itu sesuai atau tidak untuk satu masyarakat yang hidup "Dalam zaman Perindustrian"—seperti zaman yang kita tempoh sekarang—tiadalah penyusun bermaksud membinchangkan-nya pula.